

CNS1559

U GB 08-03 00169 BA890

AAB

Mahkamah - Mahathir ''

I

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Saman malu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap majalah Far Eastern Economic Review dan editornya berhubung laporan kononnya Malaysia bercadang menjual Limbang kepada Brunei, diselesaikan di luar mahkamah hari ini. Beliau tidak meminta sebarang ganti rugi.

Kedua-dua pihak, bagaimanapun bersetuju bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibayar kos berjumlah \$50,000 dan majalah yang beribu pejabat di Hong Kong itu menarik balik laporan itu serta meminta maaf dalam keluarannya yang akan datang.

Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, yang mewakili Perdana Menteri pada prosiding hari ini di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Lim Beng Choon berkata, Perdana Menteri bersikap bermurah hati dengan tidak meminta ganti rugi.

Encik Muhammad Shafee Abdullah mewakili majalah itu dan editornya, Derek Davies.

Datuk Seri Dr Mahathir menyaman majalah itu dan Encik Davies pada Ogos 1987 berhubung laporan tersebut yang tersiar pada isu 21 Mei tahun yang sama. -- Lagi.

♥08/03/16-12MST

CNS1601

U GB 08-03 00177 BA898

AAB

Mahkamah - Mahathir 2 Kuala Lumpur (Ulangan)

Laporan itu, yang disiarkan di bawah tajuk +Sarawak Sale?+ mendakwa bahawa Datuk Seri Dr Mahathir membincangkan kemungkinan menjual Limbang kepada Brunei dengan harga permulaan AS\$6,000 juta (kira-kira M\$17,000 juta) semasa lawatannya ke negara itu dalam bulan Mac, 1987.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menuntut kerugian yang tidak dinyatakan jumlahnya kerana libel yang didakwa terkandung dalam kenyataan menarik balik dan meminta maaf berkaitan laporan itu, yang disiarkan oleh majalah berkenaan pada 4 Jun, 1987.

Dalam pembelaan mereka pula, majalah itu dan Encik Davies, menafikan bahawa artikel itu bertujuan memalukan Perdana Menteri dan menambah kata bahawa jika perkataan-perkataan tersebut berbentuk fitnah, ia disiarkan dengan perlindungan bersyarat kerana Datuk Seri Dr Mahathir ialah seorang ternama di Malaysia dan dunia.

Isu-isu berkaitan saman itu didengar buat pertama kalinya pada 1988.

Pada 17 Jun, 1988 Mahkamah Tinggi menolak permohonan Datuk Seri Dr Mahathir bagi mendapatkan maklumat daripada majalah tersebut dan Encik Davies berkaitan dengan laporan tersebut setelah mendengar hujah-hujah kedua-dua belah pihak. -- Lagi.

♥08/03/17-20MST

CNS1612

U GB 08-03 00157 BA899

AAB

Mahkamah - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Datuk Ajaib Singh (sekarang seorang hakim Mahkamah Agung) yang membuat keputusan itu, telah berkata bahawa Datuk Seri Dr Mahathir tidak berhak mendapatkan butir-butir itu pada masa itu (sebelum bermulanya perbicaraan).

Perdana Menteri mahu majalah itu dan Encik Davies supaya menamakan sumber atau sumber-sumbernya, yang menurut majalah itu terbukti mengetahui dan boleh dipercayai, dan bila dan di mana maklumat itu diperolehi, serta cara mana ia disampaikan.

Pada 8 April tahun yang sama, Datuk Ajaib Singh menolak satu permohonan oleh majalah itu untuk memasukkan Menteri Dalam Negeri dan kerajaan sebagai pihak ketiga kepada saman itu, dengan memutuskan bahawa ia jelas merupakan satu usaha untuk memalukan Perdana Menteri dan boleh menjejaskan perbicaraan yang adil bagi saman malunya.

Menteri Dalam Negeri dan kerajaan tidak boleh diterima sebagai pihak ketiga kerana tidak ada pertalian antara mereka dan Datuk Seri Dr Mahathir, kata hakim itu. -- Lagi.

♥08/03/17-29MST

CNS1623

U GB 08-03 00153 BA900

AAB

Mahkamah - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Berita penarikan dan permohonan maaf yang akan disiarkan oleh majalah itu ialah seperti berikut:

+Pada 21 Mei 1987, ruangan 'Intelligence' kami dalam laporan bertajuk 'Sarawak Sale' melaporkan bahawa Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa lawatan ke Brunei membincangkan dengan kerajaan Brunei kemungkinan menjual wilayah yang dikenali sebagai Limbang, yang merupakan sebahagian daripada negeri Sarawak. Laporan itu menekankan bahawa ini ialah tujuan utama lawatan itu dan tidak tujuan yang dinyatakan iaitu untuk memperbaiki hubungan pengangkutan. Laporan tersebut tidak berasas dan kami mengakui bahawa Perdana Menteri itu tidak berhasrat menjual mana-mana bahagian Persekutuan Malaysia kepada Brunei atau negara asing lain. Review tanpa ragu-ragu menarik balik sebarang tanggapan buruk mengenai perilaku beliau dan jawatan yang beliau pegang dan meminta maaf kepada Perdana Menteri bagi sebarang keresahan dan malu kepada beliau secara peribadi, dan kepada kerajaan Malaysia.+ -- Bernama.

♥08/03/17-35MST